

Scientex beli tanah RM123.6j

➔ Ambil alih 48.4 hektar kawasan di Kulai dengan bayaran tunai

Oleh **Ahmad Fiesal Othman**
fsal@bh.com.my@bh.com.my

Scientex Bhd, pengeluar pembungkusan global dan pemaju hartanah, meningkatkan simpanan tanahnya dengan pengambilalihan dua bidang tanah berjumlah 48.4 hektar di Kulai, Johor pada harga tunai RM123.6 juta.

Tanah terbabit terletak di bandar Senai di sepanjang Lebuh raya Utara-Selatan dan Lebuh raya

Senai serta kira-kira 20 minit dari projek Scientex yang sedia ada, iaitu Taman Scientex Senai yang berkeluasan 100 hektar dan Taman Pulai Mutiara dengan keluasan 130.4 hektar.

Pengarah Urusan Scientex, Lim Peng Jin, berkata pengambilalihan itu adalah peluang pertumbuhan baharu bagi kumpulan, yang membolehkannya melanjutkan kepakaran dalam menyediakan hartanah mampu milik bagi populasi penduduk yang lebih besar di Johor.

Beliau berkata, lebih penting lagi, ia mengukuhkan lagi kekuatan kewangan kumpulan dan aspirasi berterusan walaupun dalam keadaan ekonomi yang sukar.

Simpanan tanah 960 hektar

“Hasil pengambilalihan itu, jumlah simpanan tanah Scientex kini meningkat kepada kira-kira 960 hektar dan memantapkan perkembangan segmen pembangunan hartanah kami untuk tempoh 10

hingga 15 tahun akan datang.

“Kami akan teruskan pendirian dalam menghasilkan produk yang selaras dengan daya kemampuan dan keutamaan pembeli untuk mengukuhkan prestasi segmen ini pada masa depan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Antara mercu tanda yang ketara di kawasan itu termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor Premium Outlets serta sekolah swasta dan antarabangsa Seri Omega.

Pengambilalihan itu tertakluk kepada syarat terdahulu dan kelulusan daripada Lembaga Tanah Ladang, yang dijangka akan diselesaikan pada separuh kedua 2017.

Janji niaga itu akan dibiayai oleh dana dalaman dan pinjaman bank dalam nisbah yang masih belum ditentukan.

Scientex ketika ini sedang melaksanakan projek bernilai RM1.6 bilion, terutama memba-

bitkan lima bandar di Johor iaitu Pasir Gudang, Kulai, Skudai, Senai dan Pulai serta pembangunan bercampur di Melaka.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2016, segmen pembangunan hartanah menyumbang RM652 juta, mewakili 30 peratus daripada pendapatan kumpulan.

Baki pendapatannya diperoleh daripada segmen pembuatan yang terdiri daripada pembungkusan pengguna dan industri untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Peng Jin berkata, Scientex terus komited melaksanakan strategi berkembar untuk pertumbuhan dalam sektor pembuatan dan hartanah.

Beliau berkata, pihaknya baru sahaja selesai melaksanakan perbelanjaan modal RM450 juta dalam tempoh tiga tahun untuk mengembangkan kapasiti tahunan perniagaan pembungkusan pengguna dari 30,000 tan kepada 156,000 tan menjelang 2017.



Lebih penting lagi, ia mengukuhkan lagi kekuatan kewangan kumpulan dan aspirasi berterusan walaupun dalam keadaan ekonomi yang sukar”

Lim Peng Jin,
Pengarah Urusan Scientex